

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 8 JULAI 2013, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 9

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1311-L53239  
**Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bilakah mekanisme "Fuel Cost Pass-Through" akan dilaksanakan oleh TNB dalam usaha mencerminkan keadaan sebenar kos bahan api.
2. PR-1311-L53140  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada peruntukan hampir RM27 juta untuk tempat pelupusan sampah Sungai Wangi, Manjung, Perak hanya untuk membina satu menara sampah atau masih ada kerja-kerja lain yang belum dibuat dan apakah langkah-langkah lain diambil untuk mengatasi masalah baki sampah di tempat pelupusan tersebut.
3. PR-1311-L54561  
**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [ Silam ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan sedar pada tahun 2011 Kerajaan Pusat telah mengarahkan kajian fisibiliti (*feasibility study*) dilaksanakan tentang pembinaan sebuah lapangan terbang baru di Lahad Datu dengan perbelanjaan RM10 juta. Kerajaan Negeri Sabah telah menyediakan tapak untuk tujuan pembinaan lapangan terbang berkenaan di kawasan Silabukan, seluas lebih kurang 800 ekar. Apakah hasil dan keputusan kajian berkenaan dan mengapakah hasil kajian itu tidak didedahkan kepada umum.
4. PR-1311-L53237  
**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan tentang tahap keselamatan dan kesihatan di kem-kem PLKN:-
  - (a) jumlah kes kehilangan barang peserta-peserta dalam kem, jumlah kes pecah masuk kem oleh orang luar dan berapa banyak kes gaduh antara peserta telah dilaporkan; dan
  - (b) jumlah peserta yang dijangkiti oleh virus dan apakah puncanya.

5. PR-1311-L55022  
**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha yang akan diambil oleh Kerajaan selain langkah-langkah yang telah diambil oleh FAM dalam melahirkan pemain bola sepak yang berkualiti seterusnya dapat membantu memartabatkan mutu bola sepak negara.
6. PR-1311-L53223  
**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-
  - (a) apakah langkah Kerajaan untuk meningkatkan kadar celik komputer di kalangan masyarakat luar bandar; dan
  - (b) bagaimanakah jurang perbezaan ini antara masyarakat bandar dan luar bandar.
7. PR-1311-L53158  
**Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan supaya individu yang diisyihar muflis dan disenarai hitam oleh institusi kewangan diberi peluang kedua keluar dari kemelut kebangkrutan melalui pelepasan automatik selepas tempoh tertentu.
8. PR-1311-L53414  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan pengedaran wang haram yang mengalir dalam negara yang mana penggurup wang haram memain peranan melakukan transit dalam negara dan langkah-langkah yang diambil untuk membendungnya.
9. PR-1311-L53350  
**Dato' Henry Sum Agong [ Lawas ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bilakah Kedai Rakyat 1 Malaysia diwujudkan di Lawas.
10. PR-1311-L53450  
**Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status projek Hub Pendidikan di Pagoh yang telah dilancarkan pada 2012 iaitu konsepnya, siapa kontraktor yang dilantik dan berapakah kos pembinaannya.
11. PR-1311-L53377  
**Dato' Wira Othman bin Abdul [ Pendang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah projek Hospital Daerah Pendang akan diteruskan memandangkan projek ini telah lebih 15 tahun tergendala. Bolehkah Kementerian memberikan sebab-sebab kelewatananya.

12. PR-1311-L54517

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hasil "Program 1 Pelajar 1 Laptop" dan perbezaannya dengan program Chromebook yang baru diumumkan, serta berapakah kos program Chromebook, bilakah pelaksanaannya, jumlah pelajar yang terlibat dan siapakah pembekalnya.

13. PR-1311-L54215

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan bekalan tenaga buruh di sektor pertanian mencukupi dan apakah jaminan Kementerian agar bekalan tenaga buruh tidak membawa masalah kepada pengeluaran hasil pertanian.

14. PR-1311-L54780

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan berapa syarikat yang berjaya mendapat kuota insentif untuk tenaga solar daripada SEDA melaksanakan projek mereka. Apakah langkah yang diambil oleh SEDA terhadap syarikat yang tidak melaksanakan projek dan bilakah SEDA akan mengadakan garis panduan baru untuk kuota insentif bagi tenaga solar

15. PR-1311-L53732

**Tuan William @ Nyallau anak Badak [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai peraturan baru mengenai pelaksanaan program bantuan kebajikan dan Program 1Azam untuk rakyat miskin kerana program ini mendapat banyak bantahan serta ketidakpuasan hati rakyat terhadap pelaksanaan projek tersebut yang mana didapati tidak adil.

16. PR-1311-L54270

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Bachok ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tarikh diluluskan, tarikh mula dan tarikh dijangka siap projek pembinaan Hospital Bachok. Apakah kesan buruk kepada rakyat akibat kelewatan pembinaan tersebut.

17. PR-1311-L53462

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [ Limbang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pembinaan 'Minor Specialist Clinic' di Hospital Limbang akan dilaksanakan.

18. PR-1311-L53565

**Dr. Ko Chung Sen [ Kampar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah cadangan untuk menubuhkan sekolah perantaraan Inggeris di peringkat sekolah rendah dan menengah sebagai satu cara untuk meningkatkan taraf Bahasa Inggeris.

19. PR-1311-L53507  
**Datuk Joseph Salang anak Gandum [ Julau ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah dalam memberansangkan buruh tempatan menjadikan kerja-kerja 3D, kerjaya yang bukan memalukan tetapi kerja yang lumayan sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing.
20. PR-1311-L54158  
**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan indeks jenayah mengikut jenayah di kawasan Bandar Kuching dan Stampin bagi tahun 2000 sehingga Jun 2013
21. PR-1311-L53312  
**Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kebaikan dan kelemahan Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah serta kesannya terhadap beban kerja para guru.
22. PR-1311-L54025  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan menunaikan janji membina 20,000 unit rumah mampu milik di Pulau Pinang, sistem monorel yang dijanjikan pada 2006 serta 200 bas tambahan Rapid Penang (dijanji sejak 2010) untuk mengatasi kesesakan trafik. Apakah kos perbelanjaan serta nyatakan apakah program infrastruktur jalan yang dicadangkan.
23. PR-1311-L53113  
**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kaedah penjimatan kos pembinaan serta menghindar pembaziran dalam semua projek pembinaan yang dijalankan. Adakah JKR menggunakan pendekatan nilai tender terendah dalam penawaran kontrak dan berapa peratusan kontraktor yang berjaya memperoleh projek berdasarkan bida terendah (*lowest bid*).
24. PR-1311-L54297  
**Tuan Gooi Hsiao-Leung [ Alor Setar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang perlu, termasuk meminda bahagian-bahagian Perlembagaan Persekutuan berkenaan untuk memastikan bahawa sebarang persempadanan semula kawasan Pilihan Raya yang dijalankan oleh SPR dari sekarang akan mengikut prinsip "*one man, one vote, one value*".
25. PR-1311-L53888  
**Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan strategi RTM1 dan BERNAMA TV ke arah usaha penyatuhan nasional bagi masyarakat pelbagai kaum di negara ini.
26. PR-1311-L54678  
**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang diadakah atau akan diadakan untuk memberi perlindungan kepada pelanggan-pelanggan bank-bank agar tidak dieksploitasi oleh bank-bank, dari segi pengenaan caj-caj dan *interest* penalti yang begitu tinggi.

27. PR-1311-L53633

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [ Kalabakan ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) oleh kerana ramai pemilik dan penghuni kondominium yang menderita akibat kualiti pengurusan yang teruk, apakah Kementerian akan merangka satu sistem atau '*Standard Operation Procedure*' yang holistik untuk dipatuhi oleh pemaju dan syarikat-syarikat pengurusan semua kondominium dan apartment di Kuala Lumpur; dan
- (b) apakah Kementerian akan terus memantau syarikat-syarikat pengurusan ini agar sentiasa memenuhi tanggungjawab mereka dan seterusnya mengambil tindakan kepada yang gagal.

28. PR-1311-L54424

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengikut negeri dan bulan sejak tahun 2012, statistik penjenayah menembak dengan senjata api dan statistik polis melepaskan tembakan senjata api, berapa orang maut dalam kes-kes itu, kaedah-kaedah utama penyeludupan senjata api dan tindakan susulan Kerajaan.

29. PR-1311-L54748

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [ Pulai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Suruhanjaya Pilihan Raya menjalankan tugas secara berkecuali dari Jabatan Perdana Menteri. Sila juga jelaskan sama ada cadangan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Parlimen akan menjelaskan tugas dan sikap berkecuali anggotanya memandangkan SPR mentadbir pilihan raya umum untuk memilih anggota Parlimen.

30. PR-1311-L53363

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan doktor pakar di Kementerian dengan pecahan mengikut bidang kepakaran dan juga pecahan mengikut bilangan tahun sejak mereka didaftarkan sebagai pakar - kurang daripada 5 tahun, 6 hingga sepuluh tahun dan lebih daripada 10 tahun.

31. PR-1311-L54623

**Dato' Abd. Aziz bin Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) sama ada Kerajaan akan mencadangkan pindaan kepada undang-undang berkaitan pendaftaran pengundi iaitu hanya pengundi yang tinggal/mendiami di alamat itu akan mengundi di kawasan Parlimen itu; dan
- (b) adakah pihak Kerajaan sedar bahawa pindaan tersebut akan menyebabkan pola pengundian di kawasan luar bandar terjejas teruk kerana kebanyakkan pengundi luar bandar adalah mereka yang bekerja di bandar-bandar.

32. PR-1311-L54066  
**Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa tiada pemeriksaan Imigresen terhadap setiap individu yang memasuki negeri Sabah di terminal feri Menumbuk / Kota Kinabalu melalui WP Labuan.
33. PR-1311-L53387  
**Datin Linda Tsen Thau Lin [ Batu Sapi ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian sedar tentang rungutan pengguna-pengguna jalan-jalan raya di kawasan Sandakan dari KM54 Jalan Sandakan-Telupid ke Pelabuhan Sandakan di Batu Sapi yang mendapati jalan-jalan raya ini tidak tahan apabila digunakan oleh kenderaan berat, termasuk lori tangki minyak sawit. Jalan-jalan raya ini selalu mengalami rosak. Apakah tindakan yang diambil untuk memastikan jalan-jalan raya ini dibina dan diselenggara dengan baik.
34. PR-1311-L54027  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah tiada pusat rawatan penyakit barah di Hospital Besar Pulau Pinang dan Sebarang Jaya, adakah rancangan menambahkannya dengan pusat kardiac. Nyatakan jumlah doktor dan jururawat serta rancangan untuk mengatasi kekurangan ini dan membesarkan semua hospital di Pulau Pinang.
35. PR-1311-L54998  
**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Setiu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kes kebocoran rahsia Kerajaan yang dilaporkan sejak lima tahun lalu dan apakah usaha yang diambil bagi menangani masalah tersebut serta apakah punca dan tujuan berlakunya kejadian tersebut.
36. PR-1311-L53689  
**Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah bilangan agensi-agensi Kerajaan yang diwujudkan di bawah Dasar Ekonomi Baru semenjak ianya dilaksanakan diawal tahun 70an sehingga kini dan nyatakan nama serta jumlah institusi-institusi tersebut yang telah diswastakan di bawah Dasar Penswastaan Negara.
37. PR-1311-L53163  
**Datuk Johari bin Abdul Ghani [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sejauh manakah keseriusan masalah kekurangan air terawat di ibu kota Kuala Lumpur, Putrajaya dan Lembah Klang dijangka semakin kritikal mulai 1 Julai tahun 2014, seperti mana kenyataan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS) dalam media massa pada 24 Mei 2013 lalu.

38. PR-1311-L54323

**Dato' Haji Mahtuz bin Omar [ Pokok Sena ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil rumusan dan cadangan dari kajian ke atas Projek High Speed Rail (Projek HSR) yang telah disiapkan oleh Mickensey & Company Konsultan yang dilantik oleh Kerajaan, nyatakan kos pembangunan, jarak, jajaran, masa perjalanan, kelajuan purata serta teknologi dan sistem kereta api berkelajuan tinggi yang bakal digunakan.

39. PR-1311-L53566

**Dr. Ko Chung Sen [ Kampar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kementerian terhadap kewajipan ajaran mata pelajaran Tamadun Islam untuk kesemua universiti swasta dan adakahnya wajib ditawar sekiranya universiti tersebut hendak mendapatkan pengiktirafan oleh Agensi Kelayakan Malaysia.

40. PR-1311-L53273

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) benarkah sistem pilihanraya di Malaysia diiktiraf antara yang terbaik di dunia dan mendapat pelbagai pujian termasuk pemerhati antarabangsa yang memerhati pilihanraya ke-13 baru-baru ini; dan
- (b) apakah faktor keputusan PRU-13 dipertikai oleh sesetengah pihak dalam negara ini.

41. PR-1311-L54756

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Rasional Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) terletak di bawah kuasa Jabatan Perdana Menteri; dan sama ada Perdana Menteri mempertimbangkan cadangan untuk menempatkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) di bawah kuasa Kementerian Pengangkutan bagi menyenangkan penguatkuasaan dan pengendalian segala hal ehwal berhubung dengan sistem pengangkutan.

42. PR-1311-L53701

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Seksyen 375 Kanun Keseksaan akan dipinda supaya kelakuan suami dalam melakukan perhubungan seks dengan isterinya di mana isterinya tidak rela atau secara paksa, tidak dikecualikan daripada definisi jenayah rogol.

43. PR-1311-L54296

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [ Alor Setar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan membawa balik semula sekolah-sekolah bermedium Inggeris di peringkat sekolah-sekolah rendah dan sekolah menengah, di mana Bahasa Malaysia dijadikan sebagai subjek teras dan sekiranya tidak, sila beri alasan-alasan untuk menjelaskan mengapa ini tidak boleh dilaksanakan.

44. PR-1311-L54638  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan dasar dan langkah-langkah untuk pelbagai aspek Wilayah Persekutuan terutamanya Kuala Lumpur, termasuk trafik, banjir dan keselamatan.
45. PR-1311-L54089  
**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
- (a) sebanyak mana peruntukan yang telah dibelanjakan melalui bengkel/kursus kepada organisasi belia dalam tempoh 5 tahun ini dalam usaha untuk membantu menguruskan organisasi mereka; dan
  - (b) apakah justifikasi bagi menamatkan Bantuan Pengupayaan Persatuan Belia yang suatu ketika dulu berjaya mengupayakan persatuan belia.
46. PR-1311-L53627  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [ Ketereh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian YAB Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional mengenai 7 janji utama yang pernah beliau tawarkan kepada rakyat Kelantan menjelang PRU 13 baru-baru ini.
47. PR-1311-L53769  
**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kos terkini dan faktor kelewatan menyiapkan Lebuhraya Pantai Timur.
48. PR-1311-L54832  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bahawa bantuan dan insentif yang sedia ada untuk membantu pemuda menceburi bidang pembuatan. Sila senaraikan jenis bantuan dan jumlah bilangan orang yang sudah mendapat bantuan atau wang yang terlibat, sila senaraikannya mengikut negeri.
49. PR-1311-L54163  
**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan purata harian bilangan anggota polis yang menjalani kerja perondaan di kawasan Parlimen Bandar Kuching dan Parlimen Stampin, serta cara perondaan mengikut nisbah pada tahun 2000 sehingga Jun 2013.
50. PR-1311-L53175  
**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah plan Kerajaan untuk menjelaskan hutang negara yang semakin bertambah.
51. PR-1311-L53398  
**Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang telah diambil untuk memenuhi keperluan asas Generasi Kedua FELDA.

52. PR-1311-L54463  
**Tuan Wong Ling Biu [ Sarikei ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jenis rumah kos rendah telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat di bahagian Sarikei. Berapakah jumlah rumah kos rendah telah siap dibina di bahagian Sarikei.
53. PR-1311-L54065  
**Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jikalau Kerajaan Malaysia bersedia mengeluarkan Kad Pengenalan baru kepada rakyat Sabah yang tulen untuk mengatasi masalah pengeluaran projek IC yang telah didedahkan oleh saksi-saksi di dalam Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing Tanpa Izin Sabah (RCI).
54. PR-1311-L53872  
**Dr. Ong Kian Ming [ Serdang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan rancangan untuk menyelesaikan masalah kesesakan jalan di Jalan Besar di Persimpangan Jalan Utama, Persimpangan Persiaran Serdang Perdana (di South City Mall), Persimpangan Lebuh raya Sungai Besi dan Persimpangan masuk ke Jalan PSK 8 di Serdang.
55. PR-1311-L54245  
**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi masalah jenayah yang semakin meningkat di Kuala Lumpur dan khasnya Wangsa Maju.
56. PR-1311-L53770  
**Tuan Masir Kujat [ Sri Aman ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini mengenai pembinaan hospital baru di Sri Aman.
57. PR-1311-L54723  
**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah status sebenar lawatan YAB Perdana Menteri ke Gaza, Palestin, pada bulan Januari 2013 yang lalu, sama ada lawatan sosial (kemanusiaan) atau lawatan rasmi Kerajaan dan apakah hasil daripada lawatan tersebut.
58. PR-1311-L54476  
**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan peruntukan Kerajaan (subsidi dan sebagainya) bagi tahun 2010, 2011, 2012 dan 2013, secara terperinci, untuk menyeragamkan harga barang keperluan asas di Sabah dan Sarawak supaya sama harganya dengan Semenanjung Malaysia.
59. PR-1311-L53942  
**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tarikh sebenar projek KLIA 2 akan siap, berapakah kos yang sudah dibelanjakan dan berapakah kos tambahan yang diperlukan akibat penangguhan projek tersebut.

60. PR-1311-L53839  
**Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [ Padang Serai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Akta Hasutan 1948 akan dimansuhkan.
61. PR-1311-L54298  
**Tuan Gooi Hsiao-Leung [ Alor Setar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindak balas Kerajaan terhadap aduan-aduan yang dibangkitkan oleh Bekas Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad terhadap keupayaan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (EAIC) dalam mengendalikan aduan daripada orang ramai berhubung salah laku oleh pegawai-pegawai penguatkuasa dan agensi Kerajaan.
62. PR-1311-L53047  
**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha membersihkan Sabah daripada kebanjiran pendatang Filipina yang boleh menggugat keselamatan negara.
63. PR-1311-L54017  
**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah dan rancangan segera Kementerian untuk mengatasi masalah eksport sarang burung walit (*bird nest*) ke luar negara yang telah berlarutan lebih 2 tahun dan jangkaan pulangan kepada negara.
64. PR-1311-L54061  
**Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan jikalau siasatan sudah dilaksanakan berdasarkan kepada bukti-bukti seperti pemberian Kad Pengenalan yang didedahkan melalui keterangan saksi-saksi dalam Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing Tanpa Izin Sabah (RCI) seperti pemberian Kad Pengenalan.
65. PR-1311-L54712  
**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan :-
- nilai dan sebab PAAB mengambil-alih pinjaman bon syarikat-syarikat air di Selangor; dan
  - pelan pembayaran balik pinjaman bon kepada PAAB oleh syarikat-syarikat tersebut dan jumlah yang telah dibayar.
66. PR-1311-L54467  
**Tuan Wong Ling Biu [ Sarikei ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah petani yang berjaya mendapat subsidi Kerajaan di bawah RISDA untuk menanam semula getah dan menanam getah baru di bahagian Sarikei.
67. PR-1311-L53993  
**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional Kerajaan menyokong 1Malaysia Development Bhd mengeluarkan bon bernilai US\$6.5 billion melalui Goldman Sach tanpa tender terbuka. Mengapa Kerajaan tidak mengemukakan akaun 1MDB di Parlimen sedangkan pembayar cukai yang membiayai 1MDB.

68. PR-1311-L53103

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu FAM meningkatkan mutu bola sepak negara yang kini menduduki 'ranking' FIFA melebihi tangga ke-100 dunia, sedangkan pada masa dahulu Malaysia adalah antara Gergasi Bola sepak terutamanya di benua Asia, malahan pernah dua kali melayakkan diri dalam acara bola sepak di Temasya Sukan Olimpik; dan
- (b) langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu membendung gejala rasuah yang diterajui oleh 'bookies' dalam sukan terutamanya bola sepak di negara ini, yang bukan sahaja menjejaskan mutu bola sepak negara malahan boleh menjejaskan imej negara terutama dari segi Indeks Persepsi Rasuah (*Corruption Perceptions Index*).

69. PR-1311-L53678

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilangan syarikat yang menyertai LIMA 2013 serta jumlah urusniaga yang dibuat semasa pameran ini berlangsung. Berapakah MOU yang ditandatangani oleh syarikat-syarikat Malaysia dengan syarikat dari luar negara serta pulangan keuntungan untuk usahawan bumiputera Malaysia.

70. PR-1311-L54161

**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dari segi nisbah ataupun jumlah anggota polis mengikut peranan pekerjaan utama mereka pada tahun 2008 sehingga Jun 2013 di kawasan Parlimen Bandar Kuching dan Parlimen Stampin

71. PR-1311-L54590

**Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [ Pandan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan latar belakang penerima kontrak pembekalan dakwat kekal yang digunakan oleh SPR dalam Pilihanraya Umum Ke-13. Adakah tender terbuka dibuat bagi pembekalan dakwat kekal ini.

72. PR-1311-L54835

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah bilangan laporan mengenai politik wang sepanjang tempoh kempen PRU-13 yang diterima oleh SPRM.

73. PR-1311-L54456

**Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat persempadanan semula kerusi-kerusi Parlimen mengikut prinsip "*one man, one value*" dan memastikan perbezaan jumlah pengundi antara kerusi-kerusi Parlimen tidak melebihi 15% memandangkan perbezaan jumlah pengundi yang ketara antara suatu kerusi Parlimen dengan yang lain.

74. PR-1311-L53756  
**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jalan-jalan kampung yang akan dinaiktarafkan bagi tahun 2013 di Parlimen Kuala Krai.
75. PR-1311-L53992  
**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini projek perumahan sakit dan tergendala dan tindakan ke atas pemaju yang gagal "deliver" rumah kepada pembeli. Apakah tahap perlaksanaan konsep/polisi bina dan jual (*build and sell*) industri perumahan di negara kita.
76. PR-1311-L53150  
**Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakieh [ Sabak Bernam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah penyimpan Tabung Haji dan nyatakan bilangan penyimpan yang telah mendaftar untuk menunaikan fardhu haji mengikut kategori umur iaitu di bawah umur 12 tahun, 13 tahun hingga 50 tahun dan melebihi 50 tahun.
77. PR-1311-L54816  
**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek membina 2,300km Lebuhraya Pan Borneo bermula dari Sematan di Sarawak hingga ke Serudong di Sabah akan dimulakan dan dijangka siap. Berapakah kos projek tersebut. Adakah projek ini diberi secara tender terbuka.
78. PR-1311-L54726  
**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah tindakan yang telah diambil untuk membanteras operasi mesin kuda yang semakin berleluasa dan serius seperti berlaku di negeri Sarawak terutamanya di Bintulu; dan
  - (b) apakah kawalan dan tindakan susulan yang dibuat bagi memastikan kegiatan mesin kuda tidak berulang selepas serbuan polis.
79. PR-1311-L53084  
**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kos yang telah digunakan oleh Kerajaan sepanjang tempoh pilihan raya ke-13 yang lalu.
80. PR-1311-L54415  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa pihak Kerajaan Malaysia telah membuat arahan untuk tidak menerima atau boikot barangan daripada Negara China supaya penjelasan akan memberhentikan kekeliruan ramai.

81. PR-1311-L54344  
**Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk memberikan pengiktirafan penuh kepada Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) yang diperakui oleh universiti terbaik di dunia.
82. PR-1311-L54202  
**Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [ Subang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang melakukan reformasi Dewan Rakyat dengan melaksanakan sistem jawatankuasa memantau kementerian-kementerian, memberi peruntukan munasabah untuk ahli-ahli untuk membiayai pusat khidmat dan kakitangan, memperuntukkan hari-hari khusus untuk urusan pembangkang, dan beri jawatan pengurus PAC kepada ahli pembangkang.
83. PR-1311-L53539  
**Tuan Anuar bin Abd. Manap [ Sekijang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah usaha-usaha yang dilakukan Kementerian bagi membantu kakitangan yang berkhidmat dalam jabatan-jabatan Kerajaan yang bertaraf kontrak meneruskan kelangsungan hidup apabila kontrak mereka ditamatkan; dan
  - (b) adakah Kementerian bercadang untuk memberikan latihan pekerja mahir kepada mereka seperti kursus keusahawanan atau tawaran kepada mereka untuk menyambung pelajaran.
84. PR-1311-L53959  
**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) akan dikuatkuasakan memandangkan kes-kes kematian dalam tahanan polis tidak pernah reda dalam lima tahun yang lepas.
85. PR-1311-L54929  
**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [ Lumut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) menyokong supaya subsidi bahan api diesel kepada pengusaha teksi di Pulau Pangkor dilaksanakan.
86. PR-1311-L54945  
**Datuk Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Kementerian memulakan kerja-kerja menaik taraf Jalan Topokoon-Wangkod-Rungus-Gontung.
87. PR-1311-L54974  
**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sudah 3 kali PRU berlalu, pembinaan klinik kesihatan di Felda Bersia, Gerik masih tidak ada kata putus serta pengambilan tanah serta setinggan telah diselesaikan. Bolehkah janji tersebut dapat dijayakan dalam penggal ini.

88. PR-1311-L54965  
**Tuan Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan cadangan untuk mewujudkan Program Kerahan Tenaga sebagai persediaan bagi menghadapi ancaman anasir/musuh dari dalam dan luar negara yang menggugat ketenteraman awam seperti yang berlaku di Lahad Datu, Sabah.
89. PR-1311-L55027  
**Tuan Rozman Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan masih belum ramai warga tempatan yang bekerja di dalam industri minyak dan gas. Pada masa yang sama, kadar pengangguran sebanyak 5.8% (2010) di Labuan adalah yang tertinggi di Malaysia berbanding 3.6% di peringkat nasional. Adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk menaik taraf Institut Latihan Perindustrian (ILP) Labuan bagi menyediakan latihan kemahiran khusus untuk industri ini dan mengurangkan kadar pengangguran.
90. PR-1311-L54922  
**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa banyak pinjaman yang telah dibayar balik kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).
91. PR-1311-L53881  
**Datuk Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) pelaksanaan jalan raya Kg. Kuamut, Kg. Balat, Kg. Bangkulat-Mangkawaguh, Kg. Masaum dan Simpang Jeroko-Kg. Litang; dan
  - (b) pelaksanaan bekalan elektrik dan air bersih ke kampung-kampung di daerah Kinabatangan

**PADA PERMULAAN URUSAN MESUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri Kewangan**

- \* Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan di bawa pada semua peringkat di mesuarat ini.

## **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ] dan masalah dicadangkan :-**

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga Belas.”

**Menyambung semula Perbahasan atas masalah (4 Julai, 2013)**

			<b>Bacaan Kali Yang Kedua</b>
2.	(D.R. 1/2013) Rang Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2013	[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]	
3.	(D.R. 3/2013) Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2013	[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]	“
4.	(D.R. 2/2013) Rang Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2013	[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]	“
5.	PR-1311-U53624 <b>Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]</b> akan mencadangkan:-		

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa adalah menjadi pengetahuan umum bahawa ramai warga asing di negeri Sabah telah diberikan kewarganegaraan dengan berstatuskan Bumiputera di negeri Sabah, dengan pemberian kad pengenalan Malaysia. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menangani masalah pemberian kad pengenalan Malaysia kepada warga asing, beberapa orang saksi telah memberikan keterangan bahawa memang terdapat usaha beberapa individu untuk memberikan warga asing kad pengenalan Malaysia dan seterusnya mendaftarkan mereka sebagai pemilih.

Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja, Suruhanjaya juga diberitahu bahawa terdapat juga individu yang mengambil kesempatan untuk menjual kad pengenalan kepada warga asing. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dihabarkan bahawa jumlah warga asing yang telah diberikan kerakyatan telah melepas tiga kali ganda jumlah penduduk asal negeri ini. Dan Dewan ini juga mengambil maklum bahawa kehadiran "warganegara Malaysia baru ini" telah banyak menimbulkan masalah sosial, kesihatan, ekonomi dan keselamatan. Maka, bagi menangani masalah ini, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, gerakan penukaran kad pengenalan baru haruslah dijalankan di negeri Sabah dan setiap permohonan kad pengenalan baru ini hendaklah disokong dengan sijil kelahiran pemohon dan juga ibu bapa pemohon. Dewan ini juga haruslah memutuskan bahawa latar belakang pemohon yang menggunakan sijil pendaftaran lewat kelahiran atau surat akuan hendaklah diteliti rapi agar tidak terdapat unsur-unsur penipuan pendaftaran. Abjad "H" dan angka "12" juga haruslah dimasukkan dalam kad pengenalan yang dikeluarkan bagi rakyat Sabah."

**(Menteri Dalam Negeri)**

6. PR-1311-U53641

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

" Dewan ini mengambil maklum bahawa, sebagaimana yang telah diumumkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, satu gerakan persempadan semula kawasan pilihan raya di seluruh negara akan dijalankan dalam tempoh terdekat. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa pada masa ini daripada 222 kerusi Parlimen yang ada, hanya 56 kerusi sahaja diperuntukkan bagi Negeri-negeri Borneo (Sarawak 31 dan Sabah 25) dan selebihnya 166 kerusi diperuntukkan kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa tanah Semenanjung Malaysia berkeluasan seluas 131,598 kilometer persegi diperuntukkan sebanyak 166 kerusi (75%) sementara Sarawak dan Sabah dengan keluasan 198,081 kilometer persegi hanya diperuntukkan hanya 56 kerusi(25%). Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa dengan kedudukan geografi dan bentuk muka bumi negeri Sarawak dan Sabah, pengurusan dan pentadbiran di kedua-dua negeri ini agak terbantut, sama ada dari segi suara di Parlimen mahu pun dana yang diperoleh melalui Ahli Parlimen. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa bersandarkan kepada polisi dan semangat Perjanjian Malaysia, Negeri Borneo ini (Sarawak dan Sabah) hendaklah memiliki 1/3 atau sekurang-kurangnya 77 kerusi Parlimen. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa dalam gerakan persempadan semula kawasan pilihan raya yang bakal dijalankan nanti, Negeri Sarawak dan Sabah hendaklah diperuntukkan 1/3 kerusi Parlimen yang bakal dibentuk kelak."

**(Perdana Menteri)**

7. PR-1311-U53665

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, bahasa memainkan peranan penting dalam berkomunikasi sama ada, ketika belajar, ketika bekerja atau ketika beriadah. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa kebolehan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa membolehkan rakyat Malaysia berinteraksi dengan baik sama ada dalam negara mahu pun di peringkat global. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, dalam merangka pelan pendidikan negara, Kerajaan hendaklah mewajibkan semua murid di Sekolah Jenis Kebangsaan mengambil mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Inggeris sebagai mata pelajaran wajib sementara di sekolah kebangsaan pula, murid hendaklah mengambil mata pelajaran bahasa pilihan, sama ada bahasa ibunda, Tamil, cina dan lain-lain bahasa."

**(Menteri Pendidikan)**

8. PR-1311-U53673

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, isu Borneonisasi amat dekat di hati rakyat Negeri Sabah dan Sarawak. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak juga ingin untuk menyumbang dalam pembangunan negara. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, Rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak amat bersyukur kerana telah diberikan banyak peluang dalam menjawat jawatan persekutuan di kedua-dua negeri ini. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, masih terdapat banyak ruang di mana rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak dapat diberikan peluang untuk berkhidmat dan menyumbang kepada pembangunan negara dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak haruslah diberikan peluang untuk berkhidmat dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan."

**(Perdana Menteri)**

9. PR-1311-U53606

**Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat ini mengambil maklum bahawa kebelakangan ini beberapa orang yang telah ditangkap dan ditahan di lokap untuk penyiasatan selanjutnya mati di lokap Polis dan ia adalah di bawah bidang kuasa Polis. Pada masa sekarang pihak Polis sendiri menyiasat salah guna kuasa mereka sendiri ini tidak membawa sebarang keyakinan kepada rakyat. Suatu Badan Kuasa Bebas perlu ditubuhkan seperti yang telah disyorkan supaya siasatan bebas terhadap pihak Polis boleh dilaksanakan. Badan yang dicadangkan adalah "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)".

Bahawa Dewan ini mengarahkan Kementerian Dalam Negeri melaksanakan dan menubuhkan "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)" dengan segera".

**(Perdana Menteri)**

10. PR-1311-U53671

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan dasar dan langkah-langkah yang sentiasa diambil untuk menjaga keutuhan negara Malaysia."

**(Menteri Dalam Negeri)**

11. PR-1311-U53672

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperdebatkan keadaan jenayah secara menyeluruh di negara ini."

**(Menteri Dalam Negeri)**

12. PR-1311-U53434

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat bersetuju supaya pilihan raya Kerajaan tempatan dipulihkan semula di seluruh negara termasuk pilihan raya Kerajaan Tempatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menggantikan sistem lantikan Datuk Bandar dan Ahli-ahli Majlis kerana ia lebih berkesan untuk mewujudkan pentadbiran Kerajaan Tempatan yang adil, cekap dan akauntabiliti berbanding sistem sekarang."

**(Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan)**

13. PR-1311-U54335

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengambil tindakan terhadap Pengerusi dan Timbalan Pengerusi serta anggota Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang telah melakukan penipuan dalam PRU-13 dengan menggunakan dakwat kekal yang tidak kekal dan menjadikan PRU-13 sebagai tidak bersih."

**(Perdana Menteri)**

14. PR-1311-U54336

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan perlaksanaan dan operasi AES yang jelas hanya menguntungkan syarikat konsesi dan tidak menyelesai serta tidak mengurangkan kadar kemalangan di Malaysia. "

**(Menteri Pengangkutan)**

15. PR-1311-U54337

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan pinjaman pendidikan PTPTN dan menyediakan pendidikan tinggi yang percuma untuk rakyat Malaysia. Pemansuhan PTPTN akan mengelakkan masyarakat Malaysia daripada beban hutang yang berpanjangan."

**(Menteri Pendidikan)**

16. PR-1311-U54338

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memastikan Rang Undang - Undang GST mesti ditolak, kerana GST akan menambah beban hidup rakyat. Perlaksanaan GST nanti adalah satu kezaliman pada rakyat Malaysia yang majoritinya berpendapatan rendah dan sederhana."

**(Menteri Kewangan)**

17. PR-1311-U54339

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengutuk sekerasnya kenyataan-kenyataan berbaur perkauman yang dikeluarkan oleh pimpinan parti politik dan media perkauman UMNO/BN seperti menyatakan keputusan PRU-13 adalah tsunami politik Cina dan 'apa lagi cina mau' adalah sesuatu yang tidak boleh diterima dan bertentangan dengan amalan demokrasi."

**(Perdana Menteri)**

18. PR-1311-U54341

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini meminta Kerajaan menurunkan harga minyak RON95 dari RM1.90 kepada RM 1.40 bagi meringankan beban hidup rakyat dan membolehkan lebihan pendapatan dalam poket serta mewujudkan pendapatan boleh guna rakyat.

"

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan)**

19. PR-1311-U53963

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan Malaysian Association of Foreign Maid Agencies (PAPA) untuk menaikkan fi pengambilan pekerja kepada RM6700 oleh majikan dan RM1800 oleh pekerja domestik. Memorandum Persefahaman (MOU) yang ditandatangani Kerajaan Malaysia-Indonesia, yang menetapkan fi tetap pada RM4,511; RM2,711 dibayar oleh majikan dan RM1,800 oleh pekerja domestik jelas menunjukkan agensi pekerjaan mengaut keuntungan yang tinggi melalui pemerdagangan ini. Ia akan membawa kepada tangga gaji yang rendah kepada pekerja domestik untuk sekurang-kurangnya 6-9 bulan. Ianya juga bercanggah dengan Akta Pekerjaan (Artikel 24-8) yang menghalang majikan menolak gaji sehingga 50%. Ia juga bercanggah dengan Prosedur Operasi Piawai (Standard Operating Procedure) di bawah Akta Anti-Pemerdagangan Manusia di mana sekiranya gaji tidak dibayar untuk tiga bulan atau lebih, maka majikan boleh didakwa kerana eksloitasi."

**(Menteri Sumber Manusia)**

20. PR-1311-U53965

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan ini mendesak agar segala projek pembangunan yang dibina di kawasan Bukit Gasing dihentikan agar hakisan tanah dan penduduk di kawasan pinggir bukit tidak hidup dalam ketakutan setiap kali hujan turun."

**(Menteri Wilayah Persekutuan)**

21. PR-1311-U54604

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan untuk membenarkan keluarga mangsa yang mati dalam tahanan Polis Diraja Malaysia, memperoleh pakar perubatan forensik sendiri bagi menjalankan bedah siasat."

**(Menteri Dalam Negeri)**

22. PR-1311-U54605

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pendidikan agama diperkenalkan di sekolah kepada pelajar bukan Islam sebagai langkah untuk menerapkan nilai-nilai murni dan keagamaan di kalangan pelajar bukan Islam di dalam membendung gejala sosial yang kian meningkat dan berleluasa akibat daripada kegagalan sistem pendidikan di Malaysia."

**(Menteri Pendidikan)**

23. PR-1311-U55044

**Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini mengecam Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi untuk artikel "Hijrah ke negara republik jika enggan terima sistem negara" di dalam Utusan Malaysia pada 16 Mei 2013, kerana bukan sahaja menunjukkan keangkuhan dan penghinaan terhadap pendapat umum tetapi juga untuk seorang Menteri menyuruh rakyat Malaysia yang tidak suka dengan sistem Pilihan raya negara keluar meninggalkan negara adalah bertentangan dengan dasar 1Malaysia Perdana Menteri dan matlamat beliau untuk menjadikan Malaysia "demokrasi terbaik dunia".

**(Menteri Dalam Negeri)**

24. PR-1311-U55043

**Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [ Padang Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengiktiraf bahawa Rakyat diberi akses munasabah kepada Parlimen dan premisnya; seterusnya bahawa langkah-langkah diambil supaya Dewan Rakyat dijadikan tempat yang lebih menggalakkan penyertaan dan minat rakyat; membuat ketetapan bahawa Rakyat dan pertubuhan-pertubuhan NGO dibenarkan penggunaan munasabah akan kemudahan di Parlimen termasuk untuk mengadakan sidang akhbar di lobi Parlimen dan bahawa rakyat tidak dipaksa menurut sebarang kod pakaian semasa berada di Dewan Rakyat atau premisnya."

**(Perdana Menteri)**

**KERTAS PEMBERITAHUAN**

1. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima ratus tiga belas juta empat ratus enam puluh sembilan ribu lima ratus enam puluh ringgit (RM513,469,560) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2012 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2012 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 2013 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.”

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2013</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
CMD.17	Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 2012	8 Julai 2013
CMD.17A	Memorandum Perpendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, Tahun 2012 Bagi Kerajaan Malaysia	8 Julai 2013
CMD.18	Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2012	8 Julai 2013
CMD.18A	Memorandum Perpendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2012 Bagi Kerajaan Malaysia.	8 Julai 2013
CMD.19	Penyata Keluaran Wang Daripada Kumpulan Wang Luar Jangka Bagi Tempoh Dari 1 Januari 2012 Hingga 31 Disember 2012, Menurut Peraturan 68 di bawah Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.	8 Julai 2013
ST.25	Penyata Keluaran Wang Daripada Simpanan Luar Jangka Bagi Tempoh Dari 1 Januari 2012 Hingga 31 Disember 2012 Menurut Peraturan Seksyen 6(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966	8 Julai 2013
ST.20	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Bagi Tahun 2011.	8 Julai 2013